

Konsep BN

Dr. M.
kuasa

UM 11 APR 1986

- PM

berkonsesi

SIBU 10 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Barisan Nasional ditubuhkan dengan hasrat untuk berkongsi kuasa dengan pelbagai parti dan kaum di negara ini agar kestabilan dan keharmonian terus terjaga.

Konsep BN bertujuan memberi peluang penyertaan semua kaum dalam kerajaan sekalipun mereka datangnya daripada golongan kecil agar kepentingan mereka terus diberi perhatian, kata Perdana Menteri.

"Kita tidak tamak kuasa dan kita tidak ingin menyimpan kuasa itu pada diri kita sendiri semata-mata," kata beliau di hadapan lebih 15,000 penyokong BN yang menyambut ketibaannya di padang sukan Tun Tuanku Haji Bujang kerana lawatan singkat ke bandar ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dengan tertubuhnya BN, maka kepentingan semua kaum dapat dipelihara termasuk suku kaum yang kecil, setidak-tidaknya pada peringkat tempatan di mana mereka diberi peluang mentadbirkan negara ini.

"Kejayaan BN disebabkan oleh konsep berkongsi kuasa dan ia sungguh unik kerana memandangkan Malaysia terdiri da-

ripada penduduk berbilang kaum," kata beliau.

"Hasil kejayaan ini, pembangunan pesat dapat dijalankan dan kemakmuran serta keharmonian rakyat dapat dikekalkan," katanya.

Beliau berkata, sebuah negara yang stabil dan bersatu-padu saja yang dapat menumpukan tenaga sepenuhnya untuk tugas-tugas pembangunan.

Perdana Menteri menyeru rakyat terus bekerja dengan lebih gigih dan berusaha menjamin negara ini bebas daripada ancaman anasir yang boleh menggugat perpaduan mereka.

Cukai pendapatan

Beliau berkata, jika rakyat maju, maka negarapun turut maju kerana lebih banyak hasil daripada cukai pendapatan dan sebagainya dapat dipungut oleh kerajaan untuk pembangunan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah kata, kerajaan yang kuat hanya akan wujud daripada kekuatan rakyatnya dan kerajaan yang lemah pula akan membawa kehancuran kepada negara dan rakyat.

"Syukur, di Malaysia kita bebas daripada ancaman yang membawa kehancuran dan huru-hara seperti tindakan ganas komunis dan penjenayah dan sebaliknya dapat membawa pembangunan hingga ke tempat-tempat yang dulunya tidak kenal apa ertinya pembangunan," katanya.

LHAT MUKA 6

Konsep BN berkongsi kuasa — Mahathir

Perdana Menteri membidas parti pembangkang yang menuduh kononnya Sarawak tidak diberi keutamaan dalam usaha pembangunan.

"Ini tidak benar, kerana kita mengamalkan dasar melaksanakan pembangunan yang samia rata mengikut kepentingan negeri

masing - masing di negara ini," jelas beliau.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud yang berucap sebelum itu berikrar bahawa kerajaan negeri di bawah pimpinannya akan terus memberi sokongan penuh kepada Datuk Sri Dr. Ma-

hathir.

Beliau berkata, sejak Datuk Sri Dr. Mahathir mengambil pucuk pimpinan negara, Malaysia memasuki era baru pembangunan sehingga berjaya mendapat penghormatan dunia luar.

Datuk Patinggi Haji Abdul Taib yakin kabinet

Datuk Sri Dr. Mahathir yang banyak mengandungi golongan pemimpin generasi kedua, akan terus membawa Malaysia kepada suatu tahap yang lebih maju sejajar dengan hasrat kemerdekaan yang dicapai.

"Generasi selepas mer-

deka perlu membangunkan bangsa yang bermaruah, maju, makmur dan bersatu-padu," kata beliau.

Ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah di padang sukan Tun Tuanku Haji Bujang dari Lapangan Terbang Sibui diberi sambutan penuh meriah dengan acara tradisi tempatan.

Kira - kira 20 gadis yang

mewakili pelbagai kaum di negeri ini menaburkan bunga sepanjang permaidani merah yang dilalui oleh Perdana Menteri dan isterinya.

Ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir diberi tepukan gemuruh dengan teriakan "Hidup Mahathir" dan "Hidup Barisan Nasional" daripada penyokong - penyokong parti yang datang dari pelbagai pelusuk bahagian ini. — Bernama.